

26 APR 2001

Mahathir-Islam

ISLAM MASIH MAMPU BENTUK TAMADUN HEBAT, KATA DR MAHATHIR

Oleh: Harlina Samson

DUBAI, 26 April (Bernama) -- Umat Islam hari ini masih mampu menguasai bidang pengetahuan, pembaharuan dan ciptaan, serta menghasilkan ide-ide baru untuk membentuk tamadun Islam yang hebat kerana Islam menyediakan panduan yang diperlukan, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata umat Islam perlu kembali kepada ajaran Al-Quran dan Hadis serta membetulkan keadaan mereka dengan mentadbir dan menguruskan negara secara cekap bagi meningkatkan kestabilan dan pertumbuhan ekonomi.

"Jika hari ini kita ketinggalan, dicemuh dan ditekan oleh pihak lain, ia kerana kita ketepikan ajaran agama kita dan kembali ke zaman jahiliah, bersengketa sesama sendiri, tidak mahu terima cara baru dan membelakangkan realiti, menipu diri sendiri kononnya kita lebih baik dari yang lain pada hal kita tidak," katanya.

Beliau berkata demikian dalam ucap utamanya pada persidangan bertajuk "Menghadapi Cabaran Abad ke-21 : Peranan Negara-negara Islam" anjuran Forum Antarabangsa Emiriyah di sini. Ia dihadiri 450 peserta terdiri tokoh korporat dan perniagaan.

Dr Mahathir berkata umat Islam membuat tafsiran yang tidak betul atau memberi tumpuan yang salah kepada ajaran Islam dengan mementingkan bentuk dan bukannya isi sehingga mereka gagal menghadapi cabaran Era Perindustrian dan kini Era Maklumat.

"Kita harus mengambil iktibar daripada kegagalan kita menyertai Revolusi Perindustrian dan bersiap sedia untuk menyertai Revolusi Maklumat, tetapi kita tidak," katanya.

Beliau berkata negara-negara Islam harus menggunakan kekayaan mereka untuk menyediakan infrastruktur yang diperlukan dan melengkapkan diri dengan kemahiran Era Maklumat dan Era Perindustrian.

"Kita perlu sentiasa menggunakan kelebihan teknologi," kata Perdana Menteri.

Sambil menegaskan tentang perlunya umat Islam kembali kepada ajaran agama, Dr Mahathir berkata Al-Quran dan Hadis jelas telah mengubah orang Arab yang jahil di padang pasir menjadi golongan yang berani dan berbakat sehingga berjaya membina, dalam masa tidak sampai 100 tahun, satu empayar besar dari Sepanyol di barat ke China di timur, tamadun paling hebat yang pernah dunia saksikan.

"Jika Islam mampu melakukan ini kepada Jahiliah, iaitu golongan yang kurang berpengetahuan, tidak ada sebab kenapa ia tidak dapat melakukannya kepada kita sekarang. Kita tidaklah sejahil puak-puak Arab yang bersengketa dulu," katanya.

Dr Mahathir berkata hakikatnya ialah umat Islam telah lari daripada ajaran Islam dan ada kalanya menolak malahan menyalahgunakan secara sewenang-wenangnya.

Sebagai contoh, katanya, umat Islam diberitahu bahawa mereka adalah bersaudara dan hanya harus melawan mereka daripada agama lain yang menjadikan umat Islam sebagai musuh, tetapi mereka kini terlibat dalam "jihad" menentang sesama umat Islam dan menghukum mereka kafir sedangkan mereka tidak.

Katanya jika umat Islam benar-benar menganuti ajaran Islam mengenai perlunya mereka mempertahankan diri, mereka akan sedar tentang pentingnya pengetahuan dalam semua bidang untuk menjamin nasib umat Islam dan keselamatan negara mereka.

"Kita sepatutnya merancang dan meningkatkan kemahiran untuk membentuk

negara Islam yang moden agar umatnya dilindungi dan bebas daripada kemiskinan, mempunyai makanan dan pakaian serta perumahan yang cukup, dihormati malah disanjung oleh dunia," kata Dr Mahathir.

Bercakap panjang lebar mengenai demokrasi, Perdana Menteri berkata negara-negara Islam tidak seharusnya tergesa-gesa menerima demokrasi khususnya demokrasi bebas kerana umat Islam sebenarnya tidak faham cara ia berfungsi.

Negara-negara Islam hari ini, tanpa ada pengecualian, sedang menerima tekanan supaya bertukar kepada demokrasi kerana itulah ideologi semasa, katanya.

Satu-satunya perkara baik mengenai demokrasi ialah sekurang-kurangnya secara teori, kerajaan boleh ditukar tanpa keganasan, kata Dr Mahathir.

"Pentadbiran yang baik mampu diamalkan oleh kita selaku umat Islam," katanya sambil menjelaskan bahawa undang-undang dan peraturan, upah dan hukuman boleh dibentuk bagi mengurangkan kejadian rasuah dan salah guna manakala sistem memantau prestasi boleh diamalkan untuk memaksimumkan pencapaian kerajaan.

Perdana Menteri berkata untuk membolehkan negara-negara Islam memainkan peranan penting dalam abad ini, langkah pertama yang perlu dilakukan ialah membentuk kerajaan yang berazam menjadikan negara itu sebagai negara maju.

Beliau berkata apabila negara-negara Islam berjaya membentuk kerajaan yang cekap dan memajukan diri sendiri, mereka harus membantu semua negara miskin, bukan hanya negara Islam yang miskin.

"Yang kaya di dunia, sama ada umat Islam atau bukan, perlu membantu yang miskin. Kita tidak sepatutnya menarik mereka menganuti agama Islam tetapi kita perlu membetulkan salah tanggapan mereka terhadap Islam sebagai ketinggalan zaman dan yang berkelakuan ganas dan tidak rasional," katanya.

Dr Mahathir berkata setiap umat Islam bertanggungjawab membawa imej yang baik walaupun ia tidak mendatangkan sebarang hasil.

Beliau berkata umat Islam perlu menolak keganasan dan sebaliknya mencari kedamaian agar mereka dapat hidup aman bersama yang lain.

"Saya amat yakin bahawa penindasan terhadap umat Islam akan berakhir apabila umat Islam serta negara mereka menjadi maju seperti negara-negara termaju di dunia," katanya.

Mengenai globalisasi, Dr Mahathir berkata negara-negara Islam perlu mempunyai suara dalam menentukan bentuk dunia yang sejagat.

"Cadangan kita mestilah lebih adil dan saksama, bertujuan memakmurkan semua penduduk dunia tanpa mengira bangsa atau agama atau tempat," katanya.

Umat Islam dan negara-negara Islam perlu sekali lagi memainkan peranan seperti semasa zaman kegemilangan Islam dahulu, kata Dr Mahathir.

-- BERNAMA

HS ES MAI